



UEM Edgenta Kukuhkan Kehadiran di Kerajaan Arab Saudi melalui Kerjasama dengan Mohammed I. Alsubeaei & Sons Investment Company dengan melabur dalam MEEM untuk Syarikat Pengurusan Fasiliti

UEM Edgenta berada pada kedudukan yang kukuh untuk mengambil bahagian dalam rancangan pertumbuhan Arab Saudi ke arah mencapai Wawasan 2030 melalui kerjasama strategik dengan MASIC

KUALA LUMPUR, 30 September - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, hari ini mengumumkan bahawa anak syarikat milik sepenuhnya, Edgenta Arabia Limited (“EAL”) telah memeterai Perjanjian Pembelian Saham (“SPA”) dengan Mohammed I. Alsubeaei & Sons Investment Company (“MASIC”) untuk pelaburan 60% pegangan ekuiti dan peruntukan pertumbuhan modal dalam Syarikat Pengurusan Fasiliti (“MEEM”).

Ditubuhkan pada 2017, MEEM adalah syarikat pengurusan fasiliti tempatan (“FM”) yang diperkenalkan oleh MASIC, sebuah syarikat pelaburan Saudi terkemuka di Kerajaan Arab Saudi (“KSA”) dengan pelaburan yang merangkumi perkhidmatan kewangan, hartanah dan ekuiti awam serta swasta. Kemampuan FM MEEM termasuk menyediakan perkhidmatan FM berat dan ringan, perkhidmatan khusus serta sokongan kepada hartanah komersial, perindustrian, pendidikan dan kediaman di KSA, dengan tenaga kerja melebihi 150 pekerja.

“Pelaburan sebanyak 60% pegangan dalam MEEM adalah tepat pada masanya selaras dengan perancangan Syarikat untuk mengukuhkan kedudukan dalam pertumbuhan pasaran baharu di KSA. MEEM adalah yang pertama daripada pelbagai peluang kerjasama dan perkongsian antara UEM Edgenta dan MASIC, dengan tumpuan kepada Pengurusan Fasiliti Bersepadu (“IFM”) dan Projek Penjagaan Kesihatan di mana kelayakan UEM Edgenta yang kukuh boleh digunakan di seluruh pasaran tempatan KSA,” kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Hani Halawani, Ketua Pegawai Eksekutif Mohammed I. Alsubeaei & Sons Investment Company berkata, “MASIC berbesar hati untuk bekerjasama dengan UEM Edgenta Berhad dalam industri pengurusan fasiliti Saudi yang berpotensi. Kami berharap dapat mengembangkan kemampuan MEEM di KSA dengan memanfaatkan penyelesaian teknologi UEM Edgenta dalam platform digital

dan program kecekapan tenaga serta yakin bahawa kerjasama ini akan membawa MEEM ke tahap perkembangan baharu”.

Berpandukan Wawasan 2030 Arab Saudi, pasaran pengurusan fasiliti KSA dijangka berkembang sebanyak CAGR sebanyak 6.2% kepada USD35 bilion menjelang 2028, menyumbang c.50% daripada perbelanjaan di rantau Majlis Kerjasama Teluk (“GCC”). Projek mega seperti Neom, Laut Merah, AMAALA dan Qiddiya akan menjadi pemangkin kepada UEM Edgenta dan MASIC untuk bersama-sama membangunkan perkhidmatan IFM bertaraf dunia di KSA sebelum berkembang lebih jauh ke rantau GCC.

“Bersama-sama dengan MASIC sebagai rakan perniagaan strategik tempatan UEM Edgenta, kami berhasrat untuk mengubah MEEM menjadi syarikat IFM yang terkemuka. Dengan menerapkan kemampanan dalaman dan penyelesaian teknologi UEM Edgenta, MEEM akan menjadi pengguna awal untuk penyelesaian Pengurusan Fasiliti Pintar di KSA,” tambah Syahrudinizam.

Ia adalah matlamat Syarikat dalam mewujudkan francais UEM Edgenta global yang bersepadu dan mampan, selaras dengan wawasan Edgenta of the Future 2025 (“EoTF 2025”). Kerjasama dengan MASIC dan pelaburan yang mengawal pegangan dalam MEEM, mengukuhkan strategi Syarikat dalam mengembangkan kepakaran Pengurusan Fasiliti Bersepadu dan Pintar di pasaran antarabangsa, dilengkapi dengan penyelesaian teknologi proprietari Edgenta NXT seperti platform Pengurusan Aset *Software-as-a-Service*, asseto.

Cadangan pelaburan dalam MEEM ini dijangka selesai pada suku pertama 2023 setelah memenuhi kelulusan kawal selia tempatan dan syarat-syarat perjanjian terdahulu.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.